

Abim pandang berat

keyataan

IBH 31 JUL 63

Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu. — Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) memandang berat di atas kenyataan Dr. Mahathir dalam beberapa akhbar tempatan mengenai adanya beberapa golongan yang menjalankan dakwah Islam yang mengesirukan masyarakat bagi kepentingan pribadi.

"Dr. Mahathir tidak pula menyebut siapa dia golongan itu dan ajarannya yang dikatakan mengesirukan," tegas Setiausaha Agung ABIM, Encik Kamaruddin Mohamad Noor hari ini.

Beliau menyatakan kenyataan yang kabur seperti itu adalah agak merbahaya kepada gerakan dakwah Islam di Malaysia kerana ia mengelirukan orang ramai dan menyekat gerakan dakwah Islam.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamed memberitahu dalam akhbar-akhbar tempatan minggu lalu bahawa golongan itu menjalankan jarumnya untuk mengelirukan dan meracuni fikiran penun-



DR. MAHATHIR

tut-penuntut dengan ajaran-ajaran yang dikatakan Islam, tetapi bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Beliau memberitahu demikian ketika merasmikan bangunan baru Sekolah Kebangsaan Pulau Lumut dekat Pelabuhan Kekang.

Pelampau

Encik Kamaruddin memberitahu masyarakat berhak mengetahui dengan sejelajelasnya siapa yang dimaksudkan oleh Dr. Mahathir itu sebagai "pelampau yang berlagak sebagai orang alim menjalankan dakwah Islam yang mengesirukan dan meracuni

fikiran kalangan para pelajar bagi kepentingan diri sendiri".

Masyarakat juga, ujarnya, berhak mengetahui dengan sejelajelasnya apakah ajaran-ajaran Islam yang "mengesirukan itu".

Setiausaha Agung ABIM itu seterusnya menegas-kan tuduhan yang dibuat oleh Menteri Pelajaran tersebut amat berat sekali dan beliau mesti buktikan kesemua tuduhan itu untuk diadili siapa sebenarnya yang salah.

Menyatu

Dr. Mahathir juga memberitahu kegiatan mereka ini bukanlah dakwah Islam kerana dakwah Islam mengikut apa yang kita percayai bertujuan menyatupadukan masyarakat Islam dan menguatkan perpaduannya.

Encik Kamaruddin menjelaskan menuduh tanpa bukti yang sah adalah sama dengan menyibar fitnah dengan niat yang jahat ataupun ia mencerminkan siapa sebenarnya yang keliru; yang menuduh atau yang dituduh.